


**PROSEDUR
OPERASI
STANDARD (SOP)
PENCEGAHAN
COVID-19 BAGI
PELAKSANAAN
PERJALANAN
MENGERJAKAN
UMRAH**



PENDAHULUAN

- SOP ini terpakai kepada semua pelancong tempatan di negeri-negeri sama ada warganegara / bukan warganegara yang dikendalikan oleh **syarikat pengendalian pelancongan** berlesen untuk keluar dan memasuki semula sempadan negara melalui semua Pintu Masuk Antarabangsa Malaysia sama ada melalui air, udara dan darat.
- Kriteria Pengendali Pelancongan
 1. Hendaklah mempunyai lesen dengan MOTAC yang masih sah.
 2. Hendaklah memiliki bidang perniagaan yang berkaitan yang membenarkan aktiviti pelancongan ke luar negeri.
- Tarikh kuatkuasa SOP Pelaksanaan Perjalanan Mengerjakan Umrah pada 14 Februari 2022.



SOP PERJALANAN UMRAH

SEBELUM BERLEPAS KE ARAB SAUDI



**Tindakan
syarikat
pengendali
pelancongan**

Penyediaan dokumen


Jadual Perjalanan

Pakej umrah

Perlindungan insurans

Taklimat kepada Jemaah

Penyediaan dokumen



Syarikat pengendali pelancongan perlu memastikan dokumen sebelum perjalanan lengkap :

1

Memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera sekurang-kurangnya 72 jam sebelum berlepas.

2

Menyemak Sijil Vaksinasi COVID-19 dalam aplikasi MySejahtera jemaah **serta memastikan jemaah lengkap vaksinasi dan dos pengalag** sebelum mendaftarkan jemaah untuk pakej umrah dan mendapatkan sijil vaksin dalam MySejahtera atau sijil bercetak daripada MySejahtera.

3

Laporan makmal ujian pengesanan COVID-19 RT-PCR atau lain-lain ujian COVID-19 yang diperlukan oleh negara destinasi dengan syarat keputusan ujian adalah negatif dalam ***tempoh 48 jam(bermula 9 Februari 2022)** sebelum tarikh berlepas.

4

Dokumen tambahan yang diperlukan Pihak Berkuasa Lapangan Terbang/ Pelabuhan/ Jeti/ Pintu Masuk Antarabangsa Malaysia (Darat).

*keperluan kemasukan Arab Saudi yang diumumkan pada 8 Februari 2022

Jadual Perjalanan



Menyediakan jadual perjalanan (*itinerary*) yang lengkap merangkumi:

- sebelum bertolak ke lapangan terbang;
- semasa di lapangan terbang;
- semasa di Arab Saudi (termasuk transit) dan ketibaan di Malaysia;
- mengesahkan penempahan tiket pengangkutan dua hala;
- mengesahkan tempahan tempat penginapan di negara destinasi; dan
- menyediakan jadual perjalanan seperti ditetapkan di negara destinasi.



Melantik *Person In Charge* (PIC) bagi kumpulan yang mempunyai 40 jemaah dan ke atas untuk turut serta bersama rombongan bagi mengawal/mengelola jemaah sepanjang tempoh umrah; di mana PIC perlu mengurus jemaah di Malaysia, semasa di Arab Saudi dan urusan sekembalinya jemaah ke Malaysia semula.



Sekiranya kumpulan jemaah kurang dari 40 orang, agen perlu menyediakan PIC semasa di Malaysia, PIC semasa di Arab Saudi dan PIC semasa kembali ke Malaysia (semasa ketibaan, urusan kuarantin mulai dari tarikh ketibaan sehingga tamat tempoh kuarantin).

The image shows a complex travel itinerary chart with multiple columns and rows. It includes group names like 'Kumpulan A', 'Kumpulan B', etc., and lists various countries and flight details. The chart is organized into sections such as 'PUSINGAN 2', 'AKHIR BUKU', 'AKHIR SEMI', 'TEMPAT BERJAGA', and 'FINALE'. Each row represents a pilgrim's journey, including flight numbers, times, and destinations.

Pakej umrah

1. Memastikan kontrak kerjasama antara syarikat pengendali pelancongan Malaysia dan pengendali umrah negara yang dilawati mengandungi elemen Pelan *Contingency* yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak sebelum, semasa dan selepas aktiviti pelancongan sehingga kembali ke Malaysia sekiranya perkara di luar jangka berlaku.
2. Pembayaran pakej umrah kepada syarikat pengendali pelancongan meliputi:
 - i. tempahan penginapan sepanjang aktiviti pelancongan;
 - ii. tempahan pengangkutan dua hala termasuk daripada PMA ke tempat kediaman atau stesen kuarantin swasta untuk menjalani perintah kuarantin wajib.
 - iii. kos makan minum yang berada dalam menu lazim (sekiranya berkaitan); dan
 - iv. kos kuarantin wajib sekiranya jemaah umrah adalah kontak rapat kes di Arab Saudi perlu ditanggung oleh jemaah umrah di Malaysia

Pakej umrah

3. Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam tambang pelancongan (*optional items*) ialah:
 - i. kos ujian pengesanan COVID-19;
 - ii. kos perubahan tambang pelancongan;
 - iii. Kos menjalani prosedur pengasingan jemaah umrah yang dikesan positif COVID-19 (yang tidak dimasukkan ke hospital) sama ada di hotel atau tempat pengasingan yang dikenalpasti di Arab Saudi atau di Malaysia (sekiranya dipengasingan di hospital atau PKRC swasta).
 - iv. Kos menjalani prosedur kuarantin bagi jemaah umrah yang dikenalpasti sebagai kontak rapat kepada kes positif COVID-19 sama ada di Arab Saudi atau di Malaysia.
 - v. kos rawatan kesihatan sekiranya dijangkiti COVID-19 di Arab Saudi atau di Malaysia (sekiranya dirawat di fasiliti swasta).
 - vi. kos-kos kontigensi lain.

Perlindungan insurans

Syarikat pengendali pelancongan perlu memastikan setiap jemaah dilindungi oleh insurans.

1. Takaful perjalanan mengikut ketetapan negara destinasi.
2. Perlindungan kesihatan termasuk keperluan rawatan, pengasingan dan kuarantin bagi jangkitan COVID-19 semasa di Arab Saudi dan semasa di Malaysia, **tertakluk kepada syarikat insurans.**

Taklimat kepada Jemaah



1. Taklimat kepada Jemaah

- secara bersemuka atau
- secara maya (*video conferencing*) atau
- hibrid

tertakluk kepada
Arahan Tetap yang
sedang berkuat kuasa

- Sekiranya bersemuka, kaunter pendaftaran hendaklah disediakan dan semak perkara-perkara berikut:
 - i. Jemaah adalah BUKAN kes positif COVID-19, kontak rapat atau *person under surveillance* (PUS).
 - ii. melakukan ujian RTK-Ag sendiri dan hanya yang negatif dibenarkan hadir taklimat.
 - iii. Menjalankan saringan gejala.
 - iv. Mengimbas QR kod semasa ketibaan.
 - v. **PIC** untuk menyemak status risiko **terkini** dalam MySejahtera. Sekiranya jemaah berisiko tinggi, mereka **TIDAK DIBENARKAN** menghadiri taklimat tersebut.
 - vi. **Semua yang hadir telah menerima vaksin lengkap dan dos penggalak.**
 - vii. Maksima kehadiran hanya 50% kapasiti ruang taklimat.
 - viii. Mengadakan taklimat secara berperingkat sekiranya diperlukan bagi mengelakkan perhimpunan beramai-ramai.
 - ix. Memakai pelitup muka dan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter sepanjang tempoh taklimat berlangsung
 - x. Penganjur perlu menyediakan pasukan pemantau SOP semasa taklimat dilaksanakan.
- Sekiranya jemaah bergejala semasa taklimat berlangsung, mereka dikehendaki **SEGERA** meninggalkan taklimat tersebut dan mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran.
- Pastikan pengudaraan fasiliti taklimat mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Taklimat kepada Jemaah



2. Syarikat pengendali pelancongan bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada jemaah mengenai tanggungjawab, tatacara, liabiliti dan arahan-arahan semasa Kerajaan Malaysia sebelum keluar dan semasa ketibaan.
3. Hendaklah memastikan jemaah diberi maklumat lengkap sebelum perjalanan:
 - i. **risiko jangkitan sewaktu mengerjakan perjalanan umrah;**
 - ii. jemaah hendaklah bersedia menanggung keseluruhan kos sekiranya dijangkiti COVID-19 sepanjang tempoh perjalanan;
 - iii. lain-lain kos tambahan yang akan dikenakan termasuklah kos saringan COVID-19, kos kuarantin di negara destinasi dan di Malaysia (apabila kembali dari umrah);
 - iv. Dokumen kontrak pembelian mengenai tanggungjawab jemaah dan syarikat pengendali pelancongan;
 - v. **mengenai pematuhan SOP Kerajaan Malaysia supaya pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dan kerap mencuci tangan dilakukan;**
 - vi. **mengenai prosedur kuarantin, pengujian COVID-19 serta kemasukan ke hospital sekiranya dijangkiti COVID-19 di Arab Saudi;**
 - vii. prosedur kemasukan / ketibaan di Malaysia termasuk:
 - ujian pengesanan COVID-19 **sekurang-kurangnya dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia**
 - prosedur kuarantin di Malaysia;
 - prosedur kes positif COVID-19 di Malaysia; dan
 - viii. memastikan jemaah umrah **membawa bekalan RTK-Ag sendiri yang mencukupi** untuk digunakan sepanjang berada di Arab Saudi.


Mengurangkan risiko jangkitan sewaktu mengerjakan perjalanan umrah

Perhimpunan jemaah umrah dari pelbagai negara meningkatkan risiko penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan jemaah umrah.


Oleh itu Jemaah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi SOP Kerajaan Malaysia iaitu pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1-meter dan kerap mencuci tangan semasa, dalam perjalanan dan semasa berada di tanah suci.

Jemaah juga perlu membawa bekalan RTK-Ag sendiri yang mencukupi untuk digunakan sepanjang berada di Arab Saudi untuk digunakan setiap 2 hari sekali dan sekiranya bergejala.

DALAM PERJALANAN & SEMASA DI ARAB SAUDI



TINDAKAN JEMAAH, MUTAWIF DAN PIC



- Perlu mematuhi SOP: pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, kerap mencuci tangan dan elakkan 3S (sesak, sempit & sembang rapat);
- Mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi;
- Membuat ujian RTK-Ag sendiri dua hari sekali dan apabila bergejala, mendapatkan rawatan dan kuarantin sendiri sehingga tiada gejala;**
- Membawa bekalan kit ujian COVID-19 sendiri (saliva) yang mencukupi sepanjang berada di Tanah Suci;
- Laporkan keputusan RTK Ag sendiri ke dalam MySejahtera;**
- Tidak melakukan aktiviti luar sekiranya mempunyai gejala; dan
- Jika keputusan positif COVID-19 (RTK-Ag atau RT-PCR), lakukan pengasingan sendiri dan maklumkan serta merta kepada PIC atau orang yang dilantik oleh syarikat untuk mengendalikan jemaah semasa di Arab Saudi.**

JEMAAH POSITIF COVID-19 – TINDAKAN SYARIKAT PELANCONGAN




- ❑ Sekiranya jemaah dikesan positif COVID-19 melalui ujian RTK-Ag sendiri atau RT-PCR, syarikat hendaklah:
 - Menyediakan maklumat jemaah positif COVID-19 dan melaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kesihatan Arab Saudi dan Konsulat Malaysia di Jeddah.
 - **Pegawai KKM yang boleh dihubungi:-**
 - Dr Azmi bin Hj Rahim, emel arazmi@moh.gov.my
 - Dr Samiah binti Baharudin, drsalmiah_b@moh.gov.my
 - Dr Siti Nor binti Mat, dr.sitinator@moh.gov.my
 - Memastikan jemaah positif COVID-19 kategori 1 dan 2 menjalani pengasingan di hotel mengikut tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM, manakala bagi kategori 3, 4 dan 5, perlu dirujuk ke hospital di Arab Saudi untuk rawatan lanjut.

JEMAAH POSITIF COVID-19 – TINDAKAN SYARIKAT PELANCONGAN




- ❑ Memantau tahap kesihatan jemaah positif COVID-19 setiap hari menggunakan *Home Assessment Tool* (HAT) dalam aplikasi MySejahtera atau menggunakan borang secara manual.
- ❑ Memastikan kebajikan dan kesihatan, ubat-ubatan dan makanan jemaah disediakan.
- ❑ Memastikan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 menjalani kuarantin selama lima (5) hari atau mengikut tempoh kuarantin semasa yang ditetapkan oleh KKM.

SEBELUM
BERLEPAS
PULANG -
TINDAKAN
JEMAAH, MUTAWIF
DAN PIC



- ❑ **Mengaktifkan dan mengisi maklumat peribadi serta deklarasikan kesihatan (borang pra-pelepasan) dalam aplikasi MySejahtera.** (tatacara pengisian borang pra-pelepasan ditunjukkan dalam slide Lampiran);
- ❑ Jalani ujian pengesanan COVID-19 RT- PCR sekurang-kurangnya **dua (2) hari sebelum bertolak;**
- ❑ Jika keputusan ujian COVID-19 positif, jemaah tidak dibenarkan pulang ke Malaysia dan mematuhi prosedur pengasingan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh KKM.
 - ❑ kontak rapat kepada kes positif hendaklah menjalani prosedur kuarantin selama lima (5) hari dan negatif RT PCR yang dibuat dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia.

KEPERLUAN BAGI JEMAAH YANG PERNAH DIJANGKITI COVID- 19 SEBELUM BERANGKAT PULANG



- ❑ Sekiranya jemaah pernah dijangkiti COVID-19 (dalam tempoh antara 11 hari hingga 60 hari dari tarikh positif COVID-19), prosedur kemasukan ke Malaysia bagi pengembara yang pernah dijangkiti COVID-19 adalah seperti berikut:
 - **Bukti pernah dijangkiti COVID-19** melalui ujian pengesanan COVID-19 sama ada RT-PCR atau RTK-Ag (Profesional), dan keputusan ujian makmal tersebut perlu dicetak atau dikemukakan secara digital;
 - Jemaah yang mempunyai sejarah **kemasukan ke hospital** kerana dijangkiti COVID-19, perlu mengemukakan **surat daripada Pengamal Perubatan Berdaftar** di hospital yang mengandungi maklumat tarikh disahkan positif, jenis ujian (RT-PCR atau RTK Ag-Profesional), keputusan ujian pengesanan COVID-19 positif bercetak, tempoh pengasingan dan status kesihatan sebelum discaj daripada hospital;
 - Bagi pengembara yang menjalani pengasingan di hotel kerana dijangkiti COVID-19 dan **tidak dimasukkan ke hospital**, mereka perlu menjalani ujian **saringan RTK-Ag (professional) dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas** ke Malaysia. Hanya individu dengan keputusan negatif sahaja dibenarkan meneruskan perjalanan.

SEMASA KETIBAAN DAN SEMASA DI MALAYSIA



SEMASA KETIBAAN DI PINTU MASUK NEGARA

1. Semakan MySejahtera dalam peranti elektronik para jemaah. Sekiranya telah mengisi borang pra-pelepasan dalam peranti MYSejahtera dengan lengkap, status PUS akan terpapar dalam profil MySejahtera.
2. Menunjukkan bukti telah menerima vaksinasi lengkap dan dos penggalak.
3. Jika pernah dijangkiti COVID-19:-
 - kemukakan surat daripada Pengamal Perubatan Berdaftar di hospital yang mengandungi maklumat tarikh disahkan positif, jenis ujian (RT-PCR atau RTK Ag-Profesional), keputusan ujian pengesanan COVID-19 positif bercetak, tempoh pengasingan dan status kesihatan sebelum discaj daripada hospital;
 - Jika tidak dimasukkan ke hospital, tunjukkan keputusan negatif ujian RTK-Ag profesional yang dijalani dalam tempoh dua (2) hari sebelum tarikh berlepas.
4. Bagi yang tidak pernah dijangkiti COVID-19, tunjukkan laporan keputusan negatif ujian pengesanan COVID-19 RT-PCR yang dijalani dua (2) hari sebelum tarikh berlepas ke Malaysia.
5. Menjalani saringan gejala
6. Menjalani ujian pengesanan jangkitan COVID-19 setibanya di PMA negara Malaysia.

Prosedur kuarantin dan pengujian pengesanan COVID-19

1. Tempoh kuarantin selama lima (5) hari kepada individu yang telah menerima dos penggalak (*booster dos*). Kontak rapat yang telah menjalani kuarantin lima (5) hari di Arab Saudi perlu menjalani kuarantin wajib lima (5) hari lagi di tempat kediaman di Malaysia.
2. Menjalani kuarantin sama ada di tempat kediaman atau di stesen kuarantin swasta, mengikut kemampuan dan kesediaan jemaah umrah. Jika jemaah memilih untuk dikuarantin di stesen kuarantin swasta, urusan tempahan dan caj adalah di bawah tanggungjawab jemaah dan PIC itu sendiri.

***Jemaah tidak perlu memohon kelulusan daripada HQA untuk menjalani kuarantin di tempat kediaman.**
3. Ujian pengesanan COVID-19 RT-PCR semasa ketibaan di PMA;
4. Menjalani RT-PCR pada hari ke 4 **ATAU** RTK antigen (saliva) sendiri di hadapan petugas kesihatan (*supervised*) pada hari ke 5; dan
5. Diberi pelepasan kuarantin pada hari ke-5 sekiranya ujian RT-PCR atau RTK Antigen sendiri adalah negatif COVID-19.


Pengurusan jemaah
umrah positif
COVID-19 semasa
pengujian
pengesanan
COVID-19 di PMA

- Pengurusan jemaah yang dikesan positif COVID-19 melalui ujian semasa ketibaan di Malaysia atau sepanjang tempoh kuarantin di Malaysia adalah seperti berikut:
 - **tidak bergejala (kategori 1) atau bergejala ringan (kategori 2a)**
 - boleh menjalani prosedur pengasingan (isolasi) di tempat kediaman dengan prosedur yang ditetapkan.
 - **bergejala dengan status klinikal (kategori 2b)**
 - rujuk ke CAC (Pusat Penilaian COVID-19) untuk menjalani penilaian status kesihatan.
 - **dalam kategori 3**
 - dirujuk ke PKRC
 - **dalam kategori dengan 4 atau 5**
 - dirujuk ke hospital
- Sekiranya jemaah memilih untuk menjalani pengasingan di PKRC swasta atau hospital swasta, semua kos hendaklah ditanggung oleh jemaah itu sendiri.

GEJALA COVID-19 KATEGORI 2A (RINGAN) DAN 2B (SEDERHANA)



Kategori 2A	Kategori 2B
Sakit tekak atau selesema tanpa demam atau sesak nafas	Demam berpanjangan [dua (2) hari dan lebih] atau demam semula selepas sembuh
Batuk tanpa demam atau sesak nafas	Kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti (<i>exertional dyspnoea</i>)
Hilang deria rasa tetapi masih mempunyai selera makan	Sakit dada
Hilang deria bau	Hilang selera makan
Cirit-birit dua (2) kali atau kurang dalam masa 24 jam tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Kelesuan bertambah teruk terutamanya semasa melakukan aktiviti harian atau semasa baru bangun daripada tidur
Loya dan muntah tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Memerlukan bantuan untuk berjalan
Kelesuan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Gejala seperti batuk, loya, muntah atau cirit-birit semakin teruk atau berterusan
Sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Perubahan status mental seperti kekeliruan/ kurang tahap sedar
	Kurang pengeluaran air kencing dalam masa 24 jam



Individu positif COVID-19 kategori 1 (tiada gejala) dan 2A (gejala ringan) dan tidak berisiko tinggi (60 tahun ke bawah dan tidak mempunyai komorbid) TIDAK PERLU HADIR ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC).



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19

moh.gov.my

Pengurusan jemaah
umrah kontak rapat
kepada jemaah
positif COVID-19
semasa pengujian
pengesanan
COVID-19 di PMA

Bagi **kontak rapat kepada kes positif COVID-19 yang dikesan di pintu masuk negara** akan dikuarantin mengikut prosedur sedia ada. Jika jemaah memilih untuk dikuarantin di stesen kuarantin swasta, segala caj adalah di bawah tanggungjawab jemaah.

Pengurusan
jemaah
umrah
dengan
sejarah
pernah
dijangkiti
COVID-19



Sebelum berlepas pulang ke Malaysia



Semasa ketibaan di Malaysia

Pengurusan jemaah umrah dengan sejarah pernah dijangkiti COVID-19 (dalam tempoh antara 11 hingga 60 hari tarikh positif)

1. Sebelum berlepas pulang ke Malaysia

Jemaah dikehendaki:

- memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan SERTA BORANG PRA-PELEPASAN dalam aplikasi MySejahtera
- Menyediakan dokumen/ bukti telah menerima vaksin lengkap dan dos penggalak;
- Menyediakan bukti pernah dijangkiti COVID-19 melalui ujian pengesanan COVID-19 sama ada RT-PCR atau RTK-Ag (*Profesional*), dan keputusan ujian makmal tersebut perlu dicetak atau dikemukakan secara digital;
- Jika mempunyai sejarah kemasukan ke hospital kerana dijangkiti COVID-19, perlu mengemukakan surat "*Fit to travel*" iaitu surat daripada Pengamal Perubatan Berdaftar di hospital yang mengandungi maklumat tarikh disahkan positif, jenis ujian (RT-PCR atau RTK Ag-Profesional), keputusan ujian pengesanan COVID-19 positif bercetak, tempoh pengasingan dan status kesihatan sebelum discaj daripada hospital;
- Jika tidak dimasukkan ke hospital, tunjukkan keputusan negatif ujian RTK-Ag profesional yang dijalani dalam tempoh dua (2) hari sebelum tarikh berlepas. Namun, hanya individu dengan keputusan negatif COVID-19 sahaja dibenarkan meneruskan perjalanan.
- Jika tempoh selepas jangkitan adalah **10 hari atau kurang** dari tarikh positif COVID-19: tidak dibenarkan meneruskan perjalanan

Pengurusan jemaah umrah dengan sejarah pernah dijangkiti COVID-19



2. Semasa ketibaan di Malaysia

- i. Jemaah perlu menjalani saringan gejala di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA);
- ii. Jemaah dikehendaki menjalani ujian pengesanan COVID-19 menggunakan RTK Ag di bawah pemerhatian petugas yang berada di PMA sama ada agensi kerajaan atau swasta;
- iii. Jika keputusan ujian pengesanan COVID-19 RTK Ag adalah negatif, tiada kuarantin dikenakan bagi Jemaah yang telah lengkap menerima vaksin lengkap;
- iv. Jika keputusan ujian pengesanan COVID-19 RTK Ag adalah positif, jemaah akan diuruskan seperti Pengurusan jemaah umrah positif COVID-19 semasa pengujian pengesanan COVID-19 di PMA (slide 23)

Tatacara mengisi borang pra-pelepasan dalam MySejahtera

Mengisi borang
pra-pelepasan
dalam aplikasi
MySejahtera
- ikon traveller

1. Tekan
pada ikon
traveller



2. Tekan pada ikon predeparture

Borang pra
pelepasan
(slide
seterusnya)

Mengisi borang pra-pelepasan dalam aplikasi MySejahtera

2:55 MySejahtera

< Pre-Departure Form

Please fill in the following details:

Name
Name

Mobile Number
Mobile Number

IC Number
IC Number

Passport No
Passport No

Age
Age

Gender
Gender

Nationality
Nationality

Occupation
Occupation

2:55 MySejahtera

< Pre-Departure Form

Port of Arrival
Port of Arrival

Country of Departure
Country of Departure

Flight/Vessel/Vehicle No.
Flight/Vessel/Vehicle No

Seat No (input NA if not applicable)
Seat No

Flight/Vessel Date
Flight/Vessel Date

Quarantine Address in Malaysia
Quarantine Address in Malaysia

Postcode
Postcode/Poskod

State
State/Negeri

2:55 MySejahtera

< Pre-Departure Form

District
District/Daerah

Name of Contact in Malaysia
Name of Contact in Malaysia

Contact Phone Number in Malaysia
Contact Phone Number in Malaysia

Have you completed your covid COVID-19 vaccination?
-- Select --

Save

Pastikan maklumat peribadi, status vaksinasi dan alamat kuarantin diisi dengan tepat

Setelah menghantar borang pelepasan, HSO akan terpapar di peranti elektronik berdasarkan tarikh ketibaan yang diisi dalam borang pelepasan.

- Pastikan alamat kuarantin yang betul diisi dalam borang pra-pelepasan.
- Tempoh HSO bergantung kepada jawapan yang diberikan mengenai status vaksinasi dalam boring pelepasan
 - Completed Vaccinated with Booster - 5 Days
 - Completed Vaccinated - 7 days
 - Partially Vaccinated/ Unvaccinated – 10 days
- Semasa ketibaan di PMA tunjuk status ini kepada pegawai di PMA untuk semakan.

Ministry of Health (Malaysia)

Home Isolation Or Surveillance Order

Isolation or Surveillance Order (HSO) for Persons infected with COVID-19 under regulation

Name	MYSJ ID
User 115	user115@uat.com
Time stamp	IC / Passport No
January 21 8:00:00 AM	USER115
Address	
KL	

Order

You are required to wear the tracing device provided by the Authorized Officer throughout the HSO period.

You are required to take care of the tracing device and not to destroy, damage, lose or tamper it.

During the HSO period, you are required to monitor your health status using the home assessment tool in MySejahtera application.

Authorised Officer Orders
Tan Sri Dato' Seri Noor Hisham bin Abdullah
Director General of Health

Date of Home Surveillance Order
21-Jan-2022 hingga 30-Jan-2022

Kementerian Kesihatan Malaysia

Perintah Pengasingan Atau Pengawasan

Perintah Pengasingan atau Pengawasan (HSO) bagi Orang yang dijangkiti atau Orang yang

Nama	MYSJ ID
User 115	user115@uat.com
Tarikh dan Masa	No. KP / Pasport
January 21 8:00:00 AM	USER115
Alamat	
KL	

Arahan

Tuan/puan dikehendaki sentiasa memakai peranti pengesanan yang dibekalkan oleh Pegawai Diberi Kuasa sepanjang tempoh HSO.

Tuan/puan dikehendaki menjaga peranti pengesanan yang dipakai dan tidak memusnahkan, merosakkan, menghilangkan atau mengubahnya.

Sepanjang tempoh HSO, tuan/puan dikehendaki memantau kesihatan diri melalui Home Assessment Tool di dalam aplikasi MySejahtera.

Arahan Pegawai Diberi Kuasa
Tan Sri Dato' Seri Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Date of Home Surveillance Order
21-Jan-2022 hingga 30-Jan-2022

Tatacara ujian sendiri COVID-19

Prosedur ujian RTK-Ag sendiri

Sebelum memulakan prosedur:-

1. Baca arahan penggunaan Kit Ujian Kendiri.
2. Periksa dan memastikan Kit Ujian Kendiri lengkap, tidak melepasi tarikh luput dan tidak rosak.
3. Mencuci tangan sebelum memulakan prosedur.
4. Pastikan tempat melakukan prosedur ini kering, bersih dan mempunyai pengudaraan yang baik.
5. *Sekiranya prosedur ini perlu dibantu oleh orang lain, pembantu perlu memakai sekurang-kurangnya face mask & glove.
6. *Prosedur tidak dilakukan di tempat awam dan tidak berada berdekatan dengan orang lain.

*bagi mengelakkan risiko jangkitan dan kontaminasi silang

Prosedur ujian:

1. Mengambil sampel (air liur, nasal swab dan lain-lain) secara sendiri seperti yang dinyatakan pada arahan kit
2. Melakukan ujian menggunakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 dengan cermat mengikut arahan kit.
3. Membaca keputusan pengujian dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti yang dinyatakan pada arahan kit bagi mengelakkan keputusan yang tidak tepat.

Selepas prosedur:

1. Memastikan semua alatan Kit Ujian Kendiri dimasukkan ke dalam plastik dan ikat dengan sempurna
2. Melupuskan plastik yang mengandungi kit ini ke dalam tong sampah
3. Menjalankan disinfeksi kawasan prosedur dengan larutan disinfeksi yang bersesuaian selepas prosedur pengujian
4. Mencuci tangan menggunakan sabun dan air selepas selesai menjalankan prosedur

KAEDAH LAPORAN UJIAN KENDIRI COVID-19

Bagaimanakah cara melaporkan keputusan ujian sendiri?

Semua keputusan ujian sendiri (positif, negatif atau tidak sah) **perlu dilaporkan** melalui aplikasi MySejahtera.



1 Buka aplikasi MySejahtera




2 Pilih "Ujian Kendiri COVID-19"




3 Pilih "Kemas kini Keputusan Ujian Kendiri"




4 Isikan butiran (nombor telefon, nama dan emel)



5 Isikan butiran alamat anda



6 Pilih tempat kit ujian sendiri diperolehi



7 Pilih jenis sampel anda



8 Pilih keputusan ujian anda dan tekan 'Hantar'



TERIMA KASIH